

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

UTHM/PB/100–6/4/1 (04)

Tarikh: 24 September 2007

PEKELILING BENDAHARI BIL. 4 / 2007

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Y. Bhg. Dato' / Prof/Tuan/Puan,

PEMBEKALAN, PENGHANTARAN DAN PENYERAHAN BUKU-BUKU CETAKAN DAN TERBITAN LUAR NEGARA KEPADA SEMUA AGENSI KERAJAAN DI SELURUH SEMENANJUNG MALAYSIA OLEH KONTRAKTOR PANEL BERDASARKAN SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 4 TAHUN 2005, SURAT ARAHAN PERBENDAHARAAN BERTARIKH 19 JULAI 2005, 20 DISEMBER 2005 DAN 25 MEI 2006

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan tatacara perolehan bagi pembekalan, penghantaran dan penyerahan buku-buku cetakan dan terbitan luar negara kepada semua agensi kerajaan di seluruh Semenanjung Malaysia oleh kontraktor panel berdasarkan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2005, Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 19 Julai 2005, 20 Disember 2005 dan 25 Mei 2006 yang perlu dipatuhi oleh semua Pusat Tanggungjawab (PTJ).

2.0 LATARBELAKANG

- 2.1 Perbendaharaan Malaysia telah memutuskan untuk mewujudkan kaedah baru bagi Pembekalan,Penghantaran Dan Penyerahan Buku Cetakan Dan Terbitan Luar Negara kepada semua agensi Kerajaan di seluruh Semenanjung Malaysia berkuat kuasa mulai 1 Julai 2005 hingga 30 Jun 2007.
- 2.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.3/2007 yang bersidang pada 30 Ogos 2007 telah meluluskan mengenai menerima pakai Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2005, Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 19 Julai 2005, 20 Disember 2005 dan 25 Mei 2006.

- 2.3 Buku Cetakan Dan Terbitan Luar Negara ditafsirkan sebagai buku, majalah, jurnal dan tesis yang dicetak dan diterbitkan di luar negara.
- 2.4 Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2005, telah menyatakan Pembekalan,Penghantaran Dan Penyerahan Buku Cetakan Dan Terbitan Luar Negara kepada semua agensi Kerajaan di seluruh Semenanjung Malaysia mengenai kaedah perolehan dan sebanyak 46 panel kontraktor yang dilantik untuk tujuan perolehan PTJ. Maklumat lanjut pekeliling diperjelaskan dalam **Lampiran 1**.
- 2.5 Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 19 Julai 2005 telah menyatakan Pembekalan,Penghantaran Dan Penyerahan Buku Cetakan Dan Terbitan Luar Negara kepada semua agensi Kerajaan di seluruh Semenanjung Malaysia mengenai tambahan panel kontraktor sebanyak 128 yang dilantik yang terkini. Maklumat lanjut pekeliling diperjelaskan dalam **Lampiran 2**.
- 2.6 Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 20 Disember 2005 telah menyatakan Pembekalan,Penghantaran Dan Penyerahan Buku Cetakan Dan Terbitan Luar Negara kepada semua agensi Kerajaan di seluruh Semenanjung Malaysia mengenai tambahan 7 panel kontraktor yang dilantik. Maklumat lanjut pekeliling diperjelaskan dalam **Lampiran 3**.
- 2.7 Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 25 Mei 2006 telah menyatakan Pembekalan,Penghantaran Dan Penyerahan Buku Cetakan Dan Terbitan Luar Negara kepada semua agensi Kerajaan di seluruh Semenanjung Malaysia mengenai tambahan 6 panel kontraktor yang dilantik. Maklumat lanjut pekeliling diperjelaskan dalam **Lampiran 4**.

3.0 TATACARA PEROLEHAN

- 3.1 Adalah dimaklumkan bahawa Universiti telah menerima pakai sepenuhnya Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2005, Surat Arahan perbendaharaan bertarikh 19 Julai 2005, 20 Disember 2005 dan 25 Mei 2006. (**Seperti di lampiran**).
- 3.2 Semua proses kelulusan perolehan tersebut akan dipusatkan di Perpustakaan UTHM dan Pesanan Tempatan akan dikeluarkan oleh PTJ masing-masing menggunakan peruntukan PTJ.

- 3.3 Senarai kontraktor panel adalah merujuk kepada Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2005, Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 19 Julai 2005, 20 Disember 2005 dan 25 Mei 2006.

3.4 *Kaedah Perolehan*

- 3.4.1. Perolehan hendaklah dibuat secara pembelian terus dengan pembekal-pembekal bertaraf Bumiputera yang berdafiar dengan Kementerian Kewangan dalam kod bidang 010100 (Bahan Bacaan).
- 3.4.2 PTJ hendaklah meminta senarai judul atau tajuk buku daripada mana-mana pembekal yang kenalpasti atau jika PTJ telah mengetahui nama judul atau tajuk, bidang dan penerbitan yang ditetapkan boleh juga meminta tawaran harga daripada mana-mana pembekal yang dipilih. Pemilihan pembekal hendaklah berdasarkan kepada pembekal yang sentiasa memberikan perkhidmatan yang terbaik dan menawarkan harga yang munasabah. PTJ hendaklah tidak tertumpu kepada satu atau dua pembekal sahaja tetapi hendaklah menggilirkan di antara pembekal-pembekal.
- 3.4.3 Harga yang ditawarkan oleh pembekal adalah harga bersih (termasuk kos pembungkusan dan penghantaran) dan hendaklah dalam Ringgit Malaysia. Pihak Bendahari akan merundingkan harga yang ditawarkan itu ke paras yang munasabah dan menguntungkan Universiti sekiranya ada keperluan.
- 3.4.4 Sekiranya nilai perolehan tidak melebihi RM200,000.00 di mana satu kontrak formal tidak sesuai dibuat, pesanan hendaklah diuruskan oleh PTJ dengan menggunakan borang pesanan rasmi yang ditetapkan dan dibuat terus kepada pembekal dengan mencatatkan jenis item dan kuantiti keperluan. PTJ dikehendaki memberi alamat lengkap, nama serta nombor telefon pegawai yang menguruskan bekalan supaya pembekalan dapat disempurnakan dengan teratur dan dihantar ke tempat yang dikehendaki. Bagi perolehan melebihi RM200,000.00, satu perjanjian rasmi hendaklah ditandatangani di peringkat PTJ pengguna dan Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan oleh syarikat bagi menjamin kepentingan Universiti terpelihara.

4.0 KUATKUASA PEKELILING

Semua Ketua PTJ dan pegawai-pegawai yang diberi kuasa untuk menguruskan perolehan di PTJ dikehendaki mematuhi sepenuhnya tatacara perolehan ini. Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan dan dibaca bersama Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 2005, Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 19 Julai 2005, 20 Disember 2005 dan 25 Mei 2006.

5.0 PEMBATALAN

Dengan terpakainya pekeliling ini, kaedah perolehan yang diamalkan sebelum ini bagi perolehan item-item buku-buku cetakan dan terbitan luar negara yang disenaraikan berdasarkan Pekeliling Bendahari Bil.11/2001 adalah dibatalkan.

Kerjasama dan perhatian Y. Bhg Dato'/Prof./Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkannya kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar



ABU BAKAR BIN HUSSAIN

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

☎ 7050

- s.k - Yg. Bhg. Naib Canselor
- Yg. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
- Yg. Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Pengantarabangsaan)
- Ketua Unit Audit Dalam

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia